



MALAYSIA

Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 54
No. 23

18hb November 2010

*TAMBAHAN No. 90
PERUNDANGAN (B)*

P.U. (B) 501.

AKTA KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN JAGAAN KESIHATAN
SWASTA 1998

PEMBERITAHUAN ELAUN KEHADIRAN DI MESYUARAT LEMBAGA PELAWAT DAN
PERBELANJAAN PERJALANAN BAGI ANGGOTA LEMBAGA

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 104(3) Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [*Akta 586*], Menteri menetapkan elaun bagi kehadiran di setiap mesyuarat Lembaga Pelawat bagi setiap anggota Lembaga dan perbelanjaan perjalanan bagi kehadiran mesyuarat itu ialah seratus ringgit.

Bertarikh 1 November 2010
[KKM-87/A2/17-0; PN(PU²)610/II]

DATO' SRI LIOW TIONG LAI
Menteri Kesihatan

PRIVATE HEALTHCARE FACILITIES AND SERVICES ACT 1998

NOTIFICATION OF ALLOWANCE FOR ATTENDANCE AT MEETINGS OF THE BOARD OF
VISITORS AND TRAVELLING EXPENSES FOR THE MEMBER OF THE BOARD

IN exercise of the powers conferred by subsection 104(3) of the Private Healthcare Facilities and Services Act 1998 [*Act 586*], the Minister specifies the allowance for attendance at each meeting of the Board of Visitors for

each member of the Board and travelling expenses for such attendance to the meeting shall be one hundred ringgit.

Dated 1 November 2010

[KKM-87/A2/17-0; PN(PU²)610/II]

DATO' SRI LIOW TIONG LAI
Minister of Health

P.U. (B) 502.

KANUN TANAH NEGARA

NOTIS CADANGAN PEMBATALAN PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

BAHAWASANYA, melalui *Pemberitahuan No. 500/1955* yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Selangor* pada 22 September 1955, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada Raja dalam Mesyuarat oleh seksyen 24(i) Kanun Tanah 1926 [*No. 24/1926*] dan diwakilkan kepadanya, melalui *Warta Kerajaan Negeri Selangor P.W. Sel. 188/1952*, Menteri Besar, Selangor, telah mengisytiharkan bahawa petak tanah iaitu No. Lot 172 yang terletak di dalam Seksyen 95 Bandar Kuala Lumpur, seluas 6 ekar 2 rud 8 pol dan ditandakan di atas pelan ukur hasil No. 21518 yang sekarang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan, Selangor, menjadi suatu rizab bagi maksud awam, iaitu suatu tapak untuk kawasan lapang hendaklah disenggarakan oleh Presiden, Majlis Perbandaran Kuala Lumpur (sekarang digelar Dato' Bandar Kuala Lumpur):

DAN BAHAWASANYA, melalui *P.U. (B) 108/2003* yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Persekutuan* pada 3 Mac 2003, Kerajaan Persekutuan telah mewakilkan penjalanan kuasanya di bawah seksyen 64 Kanun Tanah Negara [*Akta 56/1965*] kepada Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur:

DAN BAHAWASANYA, adalah didapati suai manfaat sekarang oleh Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bahawa sebahagian perizaban yang disebut terdahulu itu dibatalkan:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, pada menjalankan kuasa di bawah subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara yang diberikan kepada Kerajaan Persekutuan dan yang diwakilkan kepadanya, memberikan notis di bawah subseksyen 64(2) Kanun Tanah Negara mengenai cadangan untuk membatalkan sebahagian perizaban yang disebut terdahulu yang diperihalkan dalam Jadual dan bahawa mana-mana orang yang berhasrat untuk membantah terhadap cadangan pembatalan itu akan didengar oleh Pentadbir Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dalam suatu siasatan yang akan diadakan di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Tingkat 2, 3 dan 4, Rumah Persekutuan, Jalan Sultan Hishamuddin, Kuala Lumpur pada pukul 10.00 pagi pada 6 Disember 2010.

JADUAL

Daerah—Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. *Bandar*—Kuala Lumpur. *Seksyen* 95. *No. Pelan*—P.A. 21518. *No. Lot*—172. *Luas*—1740 meter persegi.

Bertarikh 11 Oktober 2010

[KWP(S): 24/PUU/698/1/4/3; PTG/WP: 2/42443/09; PN(PU²)213/L]

DATO' RAJA NONG CHIK BIN DATO' RAJA ZAINAL ABIDIN

Pengerusi

Jawatankuasa Kerja Tanah

Wilayah Persekutuan

Kuala Lumpur

NATIONAL LAND CODE

NOTICE OF PROPOSED REVOCATION OF RESERVATION OF
LAND FOR PUBLIC PURPOSE

WHEREAS, by *Notification No. 500/1955* published in the Selangor Government *Gazette* on 22 September 1955, in exercise of the powers conferred upon the Ruler in Council by section 24(i) of the Land Code 1926 [*No. 24/1926*], and delegated to him *vide* Selangor Government *Gazette P.W. Sel. 188/1952*, the Menteri Besar, Selangor, has proclaimed that the parcel of land being Lot No. 172 situated in the Section 95 Town of Kuala Lumpur, having an area of 6 acres 2 roods 8 poles and delineated upon revenue survey plan No. 21518 which is now deposited in the office of the Director of Survey and Mapping, Selangor, to be a reserve for public purpose, to wit, a site for open space to be maintained by the President, Municipal Council Kuala Lumpur (now known as the Dato' Bandar Kuala Lumpur):

AND WHEREAS, by *P.U. (B) 108/2003* published in the *Gazette* of the Government of the Federation on 3 March 2003, the Government of the Federation has delegated the exercise of its powers under section 64 of the National Land Code [*Act 56/1965*] to the Land Executive Committee of the Federal Territory of Kuala Lumpur.

AND WHEREAS, it now appears expedient to the Land Executive Committee of the Federal Territory of Kuala Lumpur that part of the aforesaid reservation be revoked:

NOW THEREFORE, the Land Executive Committee of the Federal Territory of Kuala Lumpur, in exercise of the powers under subsection 64(1) of the National Land Code conferred upon the Government of the Federation and delegated to it, give notice under subsection 64(1) of the National Land Code of the proposal to revoke the part of the aforesaid reservation as described in the Schedule and that any person who desires to object to such revocation will be heard by the Land Administrator of the Federal Territory of Kuala Lumpur, at an enquiry to be held at the Office of Director of Lands and Mines of the Federal Territory of Kuala Lumpur, 2nd, 3rd and 4th Floor, Federal House, Jalan Sultan Hishamuddin, Kuala Lumpur at 10.00 a.m. on 6 December 2010.

SCHEDULE

District—Federal Territory of Kuala Lumpur. Town—Kuala Lumpur. Section—95. Plan No.—P.A. 21518. Lot No.—172. Area—1740 square metres.

Dated 11 October 2010

[KWP(S): 24/PUU/698/1/4/3; PTG/WP: 2/42443/09; PN(PU²)213/L]

DATO' RAJA NONG CHIK BIN DATO' RAJA ZAINAL ABIDIN

Chairman

Land Executive Committee

Federal Territory of

Kuala Lumpur

P.U. (B) 503.**KANUN TANAH NEGARA****NOTIS CADANGAN PEMBATALAN PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM**

BAHAWASANYA, melalui *Pemberitahuan No. 1645/1937* yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu* pada 2 April 1937, pada menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 24(i) Kanun Tanah [*Bab 138*], Residen Selangor telah mengisytiharkan bahawa petak tanah iaitu No. Lot 166, Seksyen 53, Bandar Kuala Lumpur seluas 1 ekar 29.5 pol dan ditandakan di atas pelan ukur hasil No. 18,962 yang disimpan di Pejabat Penguasa Hasil Ukur, Selangor menjadi suatu rizab bagi maksud awam, iaitu suatu tapak bagi Sekolah Inggeris yang disenggarakan oleh Bishop Singapura:

DAN BAHAWASANYA, melalui *P.U. (B) 108/2003* yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Persekutuan* pada 3 Mac 2003, Kerajaan Persekutuan telah mewakili penjalanan kuasanya di bawah seksyen 64 Kanun Tanah Negara kepada Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur:

DAN BAHAWASANYA, adalah didapati suai manfaat sekarang oleh Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur supaya keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu dibatalkan:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, pada menjalankan kuasa di bawah subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara yang diberikan kepada Kerajaan Persekutuan dan yang diwakilkan kepadanya, memberikan notis di bawah subseksyen 64(2) Kanun Tanah Negara mengenai cadangan untuk membatalkan keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu yang diperihalkan dalam Jadual dan bahawa mana-mana orang yang berhasrat untuk membantah terhadap pembatalan itu akan didengar oleh Pentadbir Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dalam suatu siasatan yang akan diadakan di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Tingkat 2, 3 dan 4, Rumah Persekutuan, Jalan Sultan Hishamuddin, Kuala Lumpur pada pukul 10.00 pagi pada 7 Disember 2010.

JADUAL

Daerah—Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. *Bandar*—Kuala Lumpur.
No. Pelan—P.A. 18,962. *No. Lot*—166. *Seksyen*—53. *Luas*—1 ekar 29.6 pol.

Bertarikh 5 Februari 2010

[PTG/WP: 2/40877/06; PN(PU²)213/L]

DATO' RAJA NONG CHIK BIN DATO' RAJA ZAINAL ABIDIN

Pengerusi

Jawatankuasa Kerja Tanah

Wilayah Persekutuan

Kuala Lumpur

NATIONAL LAND CODE

NOTICE OF PROPOSED REVOCATION OF RESERVATION OF
LAND FOR PUBLIC PURPOSE

WHEREAS, by *Notification No. 1645/1937* published in the *Government Gazette* of the Federated Malay States on 2 April 1937, in exercise of the powers conferred by section 24(i) of the Land Code [*Cap. 138*], the Resident of Selangor proclaimed that the parcel of land being Lot No. 166, Section 53, Town of Kuala Lumpur having an area of 1 acre 29.5 perches and delineated upon revenue survey plan No. 18,962 deposited in the office of the Superintendent of Revenue Surveys, Selangor to be a reserve for public purpose, to wit, a site for English School maintained by the Bishop of Singapore:

AND WHEREAS, by *P.U. (B) 108/2003* published in the *Gazette* of the Government of the Federation on 3 March 2003, the Government of the Federation has delegated the exercise of its power under section 64 of the National Land Code to the Land Executive Committee of the Federal Territory of Kuala Lumpur.

AND WHEREAS, it now appears expedient to the Land Executive Committee of the Federal Territory of Kuala Lumpur that the whole of the aforesaid reservation be revoked:

NOW THEREFORE, the Land Executive Committee of the Federal Territory of Kuala Lumpur, in exercise of the powers under subsection 64(1) of the National Land Code conferred upon the Government of the Federation and delegated to it, give notice under subsection 64(2) of the National Land Code of the proposal to revoke the whole of the aforesaid reservation as described in the Schedule and that any person who desires to object to such revocation will be heard by the Land Administrator of the Federal Territory of Kuala Lumpur at an enquiry to be held at the Office of Director of Lands and Mines of the Federal Territory of Kuala Lumpur, 2nd, 3rd and 4th Floor, Federal House, Jalan Sultan Hishamuddin, Kuala Lumpur at 10.00 a.m. on 7 December 2010.

SCHEDULE

District—Federal Territory of Kuala Lumpur. Town—Kuala Lumpur. Plan No.—P.A. 18,962. Lot No.—166. Section—53. Area—1 acre 29.5 perches.

Dated 5 February 2010

[PTG/WP: 2/40877/06; PN(PU²)213/L]

DATO' RAJA NONG CHIK BIN DATO' RAJA ZAINAL ABIDIN

Chairman

Land Executive Committee

Federal Territory of

Kuala Lumpur

P.U. (B) 504.

KANUN TANAH NEGARA

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [Akta 56/1965] sebagaimana yang diubahsuaikan oleh Perintah Wilayah Persekutuan (Pengubahsuaian Kanun Tanah Negara) 1974 [*P.U. (A) 56/1974*], yang diberikan kepada Kerajaan Persekutuan dan yang diwakilkan kepadanya melalui Pemberitahuan yang disiarkan dalam *P.U. (B) 108/2003* pada 3 Mac 2003, Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah merizabkan tanah yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk kawasan lapang dan landskap dan telah menetapkan bahawa Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu.

JADUAL

Daerah—Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Mukim—Setapak. No. Pelan—P.A. 121257. No. Lot—27238. Luas—2,755 meter persegi.

Bertarikh 5 Februari 2010

[PTG/WP: 11/747/04; PN(PU²)213/L]

DATO' RAJA NONG CHIK BIN DATO' RAJA ZAINAL ABIDIN

Pengerusi

Jawatankuasa Kerja Tanah

Wilayah Persekutuan

Kuala Lumpur

NATIONAL LAND CODE

RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE

IN exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56/1965*] as modified by the Federal Territory (Modification of National Land Code) Order 1974 [*P.U. (A) 56/1974*], conferred upon the Government of the Federation and delegated to it by Notification published in *P.U. (B) 108/2003* on 3 March 2003, the Land Executive Committee of the Federal Territory of Kuala Lumpur has reserved the land described in the Schedule for a public purpose, to wit, a site for landscape and open space and has designated that the Secretary General of the Ministry of Federal Territories and Urban Wellbeing shall have control of the reserved land.

SCHEDULE

District—Federal Territory of Kuala Lumpur. *Mukim*—Setapak. *Plan No.*—P.A. 121257. *Lot No.*—27238. *Area*—2,755 square metres.

Dated 5 February 2010
[PTG/WP: 11/747/04; PN(PU³)213/L]

DATO' RAJA NONG CHIK BIN DATO' RAJA ZAINAL ABIDIN
Chairman
Land Executive Committee
Federal Territory of
Kuala Lumpur

P.U. (B) 505.

KANUN TANAH NEGARA

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56/1965*] sebagaimana yang diubahsuaikan oleh Perintah Wilayah Persekutuan (Pengubahsuaian Kanun Tanah Negara) 1974 [*P.U. (A) 56/1974*], yang diberikan kepada Kerajaan Persekutuan dan yang diwakilkan kepadanya melalui Pemberitahuan yang disiarkan dalam *P.U. (B) 108/2003* pada 3 Mac 2003, Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah merizabkan tanah yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk taman permainan kanak-kanak dan telah menetapkan bahawa Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu.

JADUAL

Daerah—Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. *Mukim*—Setapak. *No. Pelan*—P.A. 121248. *No. Lot*—20531. *Luas*—2,638 meter persegi.

Bertarikh 5 Februari 2010

[PTG/WP: 11/757/04; PN(PU²)213/L]

DATO' RAJA NONG CHIK BIN DATO' RAJA ZAINAL ABIDIN

Pengerusi

Jawatankuasa Kerja Tanah

Wilayah Persekutuan

Kuala Lumpur

NATIONAL LAND CODE

RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE

IN exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [Act 56/1965] as modified by the Federal Territory (Modification of National Land Code) Order 1974 [P.U. (A) 56/1974], conferred upon the Government of the Federation and delegated to it by Notification published in P.U. (B) 108/2003 on 3 March 2003, the Land Executive Committee of the Federal Territory of Kuala Lumpur has reserved the land described in the Schedule for a public purpose, to wit, a site for children playground and has designated that the Secretary General of the Ministry of Federal Territories and Urban Wellbeing shall have control of the reserved land.

SCHEDULE

District—Federal Territory of Kuala Lumpur. *Mukim*—Setapak. *Plan No.*—P.A. 121248. *Lot No.*—20531. *Area*—2,638 square metres.

Dated 5 February 2010

[PTG/WP: 11/757/04; PN(PU²)213/L]

DATO' RAJA NONG CHIK BIN DATO' RAJA ZAINAL ABIDIN

Chairman

Land Executive Committee

Federal Territory of

Kuala Lumpur

P.U. (B) 506.

KANUN TANAH NEGARA

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [Akta 56/1965] sebagaimana yang diubahsuaikan oleh Perintah Wilayah Persekutuan (Pengubahsuaian Kanun Tanah Negara) 1974 [P.U. (A) 56/1974],

yang diberikan kepada Kerajaan Persekutuan dan yang diwakilkan kepadanya melalui Pemberitahuan yang disiarkan dalam *P.U. (B) 108/2003* pada 3 Mac 2003, Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah merizabkan tanah yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk taman permainan kanak-kanak dan telah menetapkan bahawa Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu.

JADUAL

Daerah—Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. *Mukim*—Setapak. *No. Pelan*—P.A. 121247. *No. Lot*—20948. *Luas*—1,844 meter persegi.

Bertarikh 5 Februari 2010
[PTG/WP: 11/758/04; PN(PU²)213/L]

DATO' RAJA NONG CHIK BIN DATO' RAJA ZAINAL ABIDIN
Pengerusi
Jawatankuasa Kerja Tanah
Wilayah Persekutuan
Kuala Lumpur

NATIONAL LAND CODE

RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56/1965*] as modified by the Federal Territory (Modification of National Land Code) Order 1974 [*P.U. (A) 56/1974*], conferred upon the Government of the Federation and delegated to it by Notification published in *P.U. (B) 108/2003* on 3 March 2003, the Land Executive Committee of the Federal Territory of Kuala Lumpur has reserved the land described in the Schedule for a public purpose, to wit, a site for children playground and has designated that the Secretary General of the Ministry of Federal Territories and Urban Wellbeing shall have control of the reserved land.

SCHEDULE

District—Federal Territory of Kuala Lumpur. *Mukim*—Setapak. *Plan No.*—P.A. 121247. *Lot No.*—20948. *Area*—1,844 square metres.

Dated 5 February 2010
[PTG/WP: 11/758/04; PN(PU²)213/L]

DATO' RAJA NONG CHIK BIN DATO' RAJA ZAINAL ABIDIN
Chairman
Land Executive Committee
Federal Territory of
Kuala Lumpur

P.U. (B) 507.

KANUN TANAH NEGARA

PEMBATALAN PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

BAHAWASANYA, melalui *Pemberitahuan No. 616/1960* yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Selangor* pada 13 Oktober 1960, pada menjalankan kuasa di bawah subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56/1956*] sebagaimana yang diubahsuaikan oleh Perintah Wilayah Persekutuan (Pengubahsuaian Kanun Tanah Negara) 1974 [*P.U. (A) 56/1974*], yang diberikan kepada Kerajaan Persekutuan dan yang diwakilkan kepadanya, Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah mengisytiharkan bahawa petak tanah, iaitu No. Lot 1836 Seksyen 41 Bandar Kuala Lumpur dalam daerah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur seluas 1 rod 33.6 pol dan ditandakan di atas No. Pelan P.A. 21775 menjadi suatu rizab bagi maksud awam, iaitu suatu tapak untuk Klinik Kesihatan Ibu Mengandung dan Kanak-Kanak dan telah menetapkan bahawa Dato' Bandar Kuala Lumpur hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu:

DAN BAHAWASANYA, melalui *P.U. (B) 108/2003* yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Persekutuan* pada 3 Mac 2003, Kerajaan Persekutuan telah mewakilkan penjalanan kuasanya di bawah seksyen 64 Kanun Tanah Negara kepada Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur:

DAN BAHAWASANYA, adalah didapati suai manfaat sekarang oleh Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur supaya keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu dibatalkan:

DAN BAHAWASANYA, notis mengenai cadangan untuk membatalkan keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu yang diperihalkan dalam Jadual berserta dengan butir-butir mengenai masa dan tempat di mana suatu siasatan akan diadakan oleh Pentadbir Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, untuk mendengar mana-mana orang yang berhasrat untuk membantah terhadap pembatalan itu telah ditampalkan mengikut peruntukan seksyen 433 Kanun Tanah Negara dan juga telah disiarkan dalam *Warta Kerajaan Persekutuan* sebagai *P.U. (B) 185/2010* pada 15 April 2010:

DAN BAHAWASANYA, tiada apa-apa bantahan diterima terhadap cadangan untuk membatalkan keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu yang diperihalkan dalam Jadual:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada menjalankan kuasa di bawah seksyen 64 Kanun Tanah Negara yang diberikan kepada Kerajaan Persekutuan dan yang diwakilkan kepadanya sebagaimana yang disebut terdahulu membatalkan perizaban tanah yang diperihalkan dalam Jadual.

JADUAL

Daerah—Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. *Bandar*—Kuala Lumpur.
No. Pelan—P.A. 21775. *No. Lot*—1836. *Seksyen*—41. *Luas*—1 rod 33.6 pol.

Bertarikh 11 Oktober 2010

[KWP(S): 24/PUU/698/1/4/3; PTG/WP: 2/39206/04; PN(PU²)213/L]

DATO' RAJA NONG CHIK BIN DATO' RAJA ZAINAL ABIDIN

Pengerusi

Jawatankuasa Kerja Tanah

Wilayah Persekutuan

Kuala Lumpur

NATIONAL LAND CODE

REVOCATION OF RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE

WHEREAS, by *Notification No. 616/1960* published in the Selangor Government *Gazette* on 13 October 1960, in exercise of the powers under subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56/1965*] as modified by the Federal Territory (Modification of National Land Code) Order 1974 [*P.U. (A) 56/1974*], conferred upon the Government of the Federation and delegated to it, the Land Executive Committee of the Federal Territory of Kuala Lumpur has proclaimed that the parcel of land being Lot No. 1836 Section 41 Town of Kuala Lumpur having an area of 1 rood 33.6 poles and delineated upon plan No. P.A. 21775 to be a reserve for public purpose, to wit, a site for Maternity and Child Health Clinic and has designated that the Dato' Bandar of Kuala Lumpur shall have control of the reserved land:

AND WHEREAS, by *P.U. (B) 108/2003* published in the *Gazette* of the Government of the Federation on 3 March 2003, the Government of the Federation has delegated the exercise of its powers under section 64 of the National Land Code to the Land Executive Committee of the Federal Territory of Kuala Lumpur:

AND WHEREAS, it now appears expedient to the Land Executive Committee of the Federal Territory of Kuala Lumpur that the whole aforesaid reservation be revoked:

AND WHEREAS, notice of the proposal to revoke the whole of the aforesaid reservation as described in the Schedule together with details of the time and place at which an enquiry would be held by the Land Administrator of the Federal Territory of Kuala Lumpur at the Office of Director of Lands and Mines of the Federal Territory of Kuala Lumpur, to hear any person desiring to object to such revocation was affixed in accordance with the provisions of section 433 of the National Land Code and was also published in the *Gazette* of the Government of the Federation as *P.U. (B) 185/2010* on 15 April 2010:

AND WHEREAS, no objection to the proposal to revoke the whole of the aforesaid reservation as described in the Schedule was received:

NOW THEREFORE, the Land Executive Committee of the Federal Territory of Kuala Lumpur, in exercise of the powers under section 64 of the National Land Code conferred upon the Government of the Federation and delegated to it as aforesaid, revokes the reservation of the land described in the Schedule.

SCHEDULE

District—Federal Territory of Kuala Lumpur. *Town*—Kuala Lumpur.
Plan No.—P.A. 21775. *Lot No.*—1836. *Section*—41. *Area*—1 rood 33.6 poles.

Dated 11 October 2010

[KWP(S): 24/PUU/698/1/4/3; PTG/WP: 2/39206/04; PN(PU²)213/L]

DATO' RAJA NONG CHIK BIN DATO' RAJA ZAINAL ABIDIN

Chairman

Land Executive Committee

Federal Territory of

Kuala Lumpur

P.U. (B) 508.

AKTA HAK CIPTA 1987

PEMBETULAN

DALAM teks bahasa Inggeris Akta Hak Cipta 1987 [*Akta 332*] yang dicetak semula dalam tahun 2006 dan mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006, dalam subseksyen 15(2), gantikan perkataan “subsection 13(1)” dengan perkataan “subsection (1)”.

COPYRIGHT ACT 1987

CORRIGENDUM

IN the English language text of the Copyright Act 1987 [*Act 332*] reprinted in the year 2006 and incorporating all amendments until 1 January 2006, in subsection 15(2), substitute for the words “subsection 13(1)” the words “subsection (1)”.

[PN(SU.2) 1/rep/03]

P.U. (B) 509.

AKTA LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN PERDAGANGAN 1987

PEMBETULAN

DALAM teks bahasa Inggeris Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 [*Akta 334*] yang dicetak semula dalam tahun 2006 dan mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006—

- (a) dalam seksyen (2), masukkan selepas takrif “employees bus” takrif yang berikut:

“ “excursion bus” means a bus used exclusively for the conveyance of tourists on a single journey and in consideration of a single payment which has no fare stages;” dan

- (b) dalam subperenggan 19(1)(a)(iv), masukkan perkataan “and in the case of excursion buses also the itinerary” selepas perkataan “fare-table”.

COMMERCIAL VEHICLES LICENSING BOARD ACT 1987

CORRIGENDUM

In the English language text of the Commercial Vehicles Licensing Board Act 1987 [Act 334] reprinted in the year 2006 and incorporating all amendments until 1 January 2006—

- (a) in section 2, insert after the definition of “employees bus” the following definition:

“ “excursion bus” means a bus used exclusively for the conveyance of tourists on a single journey and in consideration of a single payment which has no fare stages;” and

- (b) in subparagraph 19(1)(a)(iv), insert the words “and in the case of excursion buses also the itinerary” after the word “fare-table”.

[PN(SU.2) 1/rep/03]

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA